



PERJALANAN DITERUSKAN

LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN 2018



KANDUNGAN

6	Singkatan Seimbias Lalu	7 9
---	----------------------------	--------

13	MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD	
	Visi, Misi dan Prinsip Panduan	16
	Lembaga Pengarah	18
	Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah	24
	Barisan Kepimpinan	26
	Integriti	28
	Sistem Pengurusan Kualiti dan Ilmu Pengetahuan	29
	Pengurusan Risiko	30

33	PROJEK MRT LEMBAH KLANG	
	Projek MRT Lembah Klang	34

37	MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA	
	Pembinaan	40
	Perolehan	46
	Tanah	48
	Program Kolaborasi Industri	49
	Penyertaan Bumiputera	50
	Program Usahawan Muda MRT	51
	Kuarters Pekerja	52
	Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar	53
	Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan	54

61	MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG	
	Tempoh Liabiliti Kecacatan	64
	Pengurusan Aset dan Fasiliti	65
	Program Kolaborasi Industri	66
	Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan	67

71	KOMERSIAL	
	Pengiklanan	72
	Ruang Niaga	73
	Telekomunikasi Komersial	73
	Hak Penamaan Stesen	74
	Acara dan Aktivasi	74
	Kemudahan Tempat Letak Kereta	74
	Hartanah	74

77	LAPORAN KEWANGAN	
	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018	78
	Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2018	79
	Penyata Perubahan Ekuiti untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2018	79
	Penyata Aliran Tunai untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2018	80

83	PAKEJ KERJA YANG DIANUGERAHKAN	
	MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang	84
	MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya	90



SINGKATAN

APAD

Agensi Pengangkutan Awam Darat

KVMRT

Projek Transit Aliran Massa Lembah Klang

MRT Corp

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd

PDP

Rakan Pelaksana Projek

Prasarana

Prasarana Malaysia Berhad

Laluan SBK

MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang

Laluan SSP

MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya

SEIMBAS LALU

SEIMBAS LALU



IKRAR
5 Oktober 2017

MRT Corp memberikan komitmen kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usahanya memerangi rasuah.



MENUJU KE HADAPAN
12 Oktober 2017

MRT Corp muncul sebagai pemenang bagi kategori Kemajuan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) dalam Rel dan Transit di Anugerah Be Inspired 2017.



IKON JUTAAN RINGGIT
7 November 2017

MRT Corp memenangi hadiah utama untuk Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2017 (AIPM) di atas peranannya sebagai 'Pengurusan Projek yang Ideal dalam Tadbir Urus Ikonografi'.



PILIHAN RAKYAT
21 November 2017

MRT Corp memenangi Anugerah Gangsa di 'Putra Brand Awards 2017' untuk kategori Pengangkutan, Perjalanan dan Pelancongan.



MENYOKONG BARANG TEMPATAN

21 Januari 2018

MRT Corp menyokong Pelancaran Kempen 'Belilah Buatan Malaysia' di Stesen MRT Pasar Seni.



PEMIMPIN BERINOVASI

25 Januari 2018

MRT Corp muncul sebagai pemenang dalam kategori Anugerah Geoinnovation di Persidangan Pengguna Esri Malaysia 2018.



ERA DIGITAL

5 Julai 2018

Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian melawat Akademi Pemodelan Maklumat Bangunan Dalam Ret (BIRAC), di Pusat MyBIM yang terletak di Menara Sunway Putra, Kuala Lumpur.



KEMAJUAN PROJEK

11 Julai 2018

Taklimat Kemajuan Projek bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) kepada media di Taman Universiti, Serdang.



MEMBERI KEMBALI

27 Januari 2018

Penyerahan rasmi taman rekreasi Taman Linear Kampung Selamat kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).



PENEMBUSAN

1 Mac 2018

Penembusan mesin pengorek terowong (TBM) yang pertama bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) di tapak pembinaan Stesen MRT Chan Sow Lin.



SUKAN DAN SOSIAL

22 Julai 2018

Karnival Sukan Tahunan Kuarters Pekerja (CLQ) yang diadakan untuk para pekerja kontraktor pakej kerja (WPC) MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).



BERSAMBUNG

26 Oktober 2018

Pembukaan jambatan pejalan kaki bertingkat di antara Stesen MRT Taman Mutiara dan Pusat Membeli-belah Cheras Leisure.



UTAMAKAN KESELAMATAN

17-18 April 2018

Persidangan tahunan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) Projek Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT) bertemakan 'Pencegahan Insiden' telah diadakan.



KESALINGHUBUNGAN YANG BAIK

26 April 2018

Pemeriksaan yang berjaya oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menguji kesalinghubungan rangkaian selular mudah alih di stesen bawah tanah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).



AKSES YANG BAIK

4 Disember 2018

Projek MRT muncul sebagai pemenang di Anugerah Akses Universal Datuk Bandar KL dalam kategori Hub Pengangkutan yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

MRT Corp ialah syarikat tujuan khas yang ditubuhkan kerajaan Malaysia untuk menjadi pemaju dan pemilik aset bagi Projek KVMRT. Syarikat ini dimiliki penuh oleh Menteri Kewangan Malaysia, Diperbadankan.

Syarikat ini telah ditubuhkan pada September 2011 dan mengambil alih Projek KVMRT dari Prasarana pada Oktober 2011.

Tanggungjawab MRT Corp termasuk memantau pembinaan kesemua struktur bertingkat, stesen dan depoh Projek KVMRT. Syarikat juga menguruskan kerja-kerja bawah tanah yang melibatkan kerja pembinaan terowong dan stesen bawah tanah.

Syarikat juga bertanggungjawab ke atas kontrak-kontrak yang terbabit, proses perolehan dan penyelesaian pertikaian selain daripada memastikan kualiti projek dalam segi kos, penjadualan, kesihatan, keselamatan dan keperluan persekitaran.

MRT Corp bekerjasama dengan pihak-pihak lain dalam pembangunan Projek KVMRT.

Pihak-pihak ini termasuk MMC-Gamuda KVMRT Sdn Bhd (PDP) dan MMC-Gamuda KVMRT Sdn Bhd (PDP SSP) sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) untuk MRT Laluan SBK dan MRT Laluan SSP, dan juga APAD di bawah Kementerian Pengangkutan sebagai agensi penyelia.



MISI

Untuk menghasilkan dan menyampaikan satu sistem MRT yang efektif, efisien dan bersepadu; dengan selamat, mengikut jadual dan menepati kos

VISI

Untuk diiktiraf sebagai penyedia utama perkhidmatan rel bandar

PRINSIP PANDUAN

KETERBUKAAN

Kami saling menghormati antara satu sama lain, menghargai perbezaan dan memanfaatkan perubahan di bawah satu kepimpinan

KERJASAMA

Kami bekerja dengan berkesan sebagai satu pasukan ke arah mencapai matlamat bersama

KEJUJURAN

Kami sentiasa mendukung kejujuran dan integriti

KECEMERLANGAN

Kami sentiasa melakukan perkara yang betul dengan cara yang betul

TANGGUNGJAWAB

Kami sentiasa bertindak secara sensitive dan bertanggungjawab ke atas segala tindakan dan hasil kerja

LEMBAGA PENGARAH



**DATO' SRI SHAHRIL
MOKHTAR**

Dato' Sri Shahril Mokhtar, 45, ialah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia.

Sebelum dilantik ke jawatan tersebut pada 2015, beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd, jawatan yang disandang beliau sejak tahun 2010. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Sebelum menyertai SPAD, beliau pernah bertugas dengan RapidKL sebagai Pengurus Besar Perancangan Korporat. Semasa berkhidmat dalam jawatan itu, beliau telah dipinjamkan sebagai Penasihat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, di mana beliau terlibat dalam usaha merangka Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Beliau juga terlibat dengan makmal

untuk penambahbaikan pengangkutan awam di bawah Program Transformasi Kerajaan.

Jawatan-jawatan yang pernah disandang beliau sebelum ini adalah Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat Penerbangan Malaysia Bhd, Pengurus di PricewaterhouseCoopers Malaysia dan British American Tobacco (M) Berhad serta Eksekutif Kanan di Maybank Group.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pengurusan (dengan kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Muda dalam bidang Psikologi Industri dan Organisasi (minor dalam Sains Politik) dari Universiti Missouri, St. Louis, Amerika Syarikat. Beliau juga telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Kellogg School of Management, Universiti Northwestern, Chicago, Amerika Syarikat.



**DATO' DR AMIRUDDIN
MUHAMED**

Dato' Dr Amiruddin Muhamed, 46, ialah Timbalan Setiausaha (Strategik dan Am) Bahagian Pelaburan Kerajaan di Kementerian Kewangan.

Sebelum beliau dilantik ke jawatan tersebut pada Ogos 2018, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, jawatan yang disandang sejak 2014.

Sebelum itu, beliau telah memegang beberapa jawatan di Kementerian Kewangan, bermula dengan Jabatan Akauntan Negara di mana beliau memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah. Beliau kemudiannya dipindahkan ke Bahagian Pelaburan, MKD (Diperbadankan) dan Penswastan di mana beliau memegang jawatan Ketua Penolong Setiausaha Kanan.

Antara tugas beliau adalah menguruskan aktiviti pengkorporatan dan penswastan agensi di bawah

bidang kuasa Kementerian masing-masing. Beliau kemudiannya berpindah ke Bahagian Pelaburan Strategik.

Beliau memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Perakaunan dan Kewangan dari Universiti Durham, United Kingdom. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Ekonomi (Pembangunan Ekonomi) dan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



**DATUK CHE MOKHTAR
CHE ALI**

Datuk Che Mokhtar Che Ali, 65, ialah pengasas dan rakan kongsi di Tetuan Che Mokhtar & Ling, sebuah firma guaman di Kuala Lumpur.

Dengan pengalaman lebih daripada 30 tahun sebagai seorang pengamal undang-undang, Datuk Che Mokhtar pernah berkhidmat sebagai ahli Panel Jawatankuasa Tatatertib dalam Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam dan menjadi Pengerusi Jawatankuasa tersebut.

Beliau juga dilantik menjadi seorang Notari Awam oleh Peguam Negara Malaysia. Sebagai seorang peguambela dan peguamcara, beliau pernah mengendalikan kes-kes bagi pelbagai syarikat awam dan swasta, institusi perbankan, pemaju-pemaju dan badan-badan berkanun seperti Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Sains Politik dan Pentadbiran Awam) dan Sarjana Muda Undang-

Undang dari Victoria University of Wellington, New Zealand.

Beliau telah dilantik sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Agung New Zealand pada tahun 1980 dan tiga tahun kemudiannya sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Majistret dan Timbalan Pendakwa Raya.

Beliau kini memegang jawatan Pengarah, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pencalonan Sumatec Resources Bhd. Beliau pernah menjadi pengarah di Idris Hydraulic (M) Bhd, Idaman Unggul Bhd dan Eco World Development Group Bhd (dahulunya dikenali sebagai Focal Aims Holdings Bhd).

Datuk Dr Ir Abdul Latif Mohd Som, 63, ialah Pengerusi Eksekutif KL Prima Consult Sdn Bhd, sebuah firma jurutera perunding bersaiz sederhana milik Bumiputera yang beliau tubuhkan pada 1996.

Beliau memulakan kerjayanya di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sebagai Jurutera Struktur pada 1979. Setelah menerima ijazah lanjutan pada 1983, beliau menyertai Minconsult Sdn Bhd, salah sebuah firma jurutera perunding terbesar di Malaysia, dan seterusnya berkhidmat di United Engineers (M) Bhd sebagai Jurutera Awam Kanan. Pada 1989, beliau menyertai Sime UEP Bhd sebagai Pengurus Projek, di mana beliau kemudiannya telah dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Besar SEA Drillers Construction Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Sime UEP.

Pada 1991, beliau meninggalkan Sime UEP Bhd untuk menjadi Pengarah

dan Pemegang Saham Kumpulan Jurutera Maju Sdn Bhd, sebuah firma jurutera perunding sivil dan struktur terkemuka. Beliau kemudiannya meninggalkan firma tersebut pada 1996 untuk menubuhkan KL Prima Consult Sdn Bhd bersama tiga jurutera profesional yang lain.

Beliau memperolehi Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Kejuruteraan Awam) dari Universiti Birmingham, United Kingdom pada tahun 1979 dan memperolehi lesen Jurutera Profesional beliau pada tahun 1986. Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Edinburgh di United Kingdom di mana beliau memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, diikuti dengan PhD dalam Alam Bina (pengkhususan dalam perniagaan antarabangsa) dari Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada 2014.

Beliau juga merupakan Penasihat ICG Global Sdn Bhd, firma perundingan



**DATUK DR IR ABDUL
LATIF MOHD SOM**

profesional pelbagai disiplin yang terbesar di Malaysia, Ahli Majlis Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia dan Pengerusi Gabungan Jurutera Perunding Bumiputera Malaysia.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Majlis Penasihat DBKL dan juga Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Jurutera Malaysia.



**ENCIK AHMAD ZUBIR
ZAHID**

Encik Ahmad Zubir Zahid, 45, ialah Pengarah Zulu Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti swasta yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang beliau tubuhkan pada 2014 di mana syarikat ini melabur dalam syarikat-syarikat tidak tersenarai terutamanya dalam industri makanan dan minuman dan niaga.

Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif Thinkat Advisory Sdn Bhd, sebuah firma penasihat kewangan korporat butik yang dilesenkan oleh SC.

Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada tujuh tahun dalam industri minyak dan gas luar pesisir, sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) bagi tiga syarikat pembinaan luar pesisir yang berlainan. Sebelum menubuhkan Zulu Capital Sdn Bhd dan Thinkat Advisory Sdn Bhd, beliau adalah CFO Daya Offshore Construction

Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Daya Materials Berhad yang menawarkan perkhidmatan pembinaan dasar laut. Sebelum itu, beliau merupakan CFO Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd, sebuah kontraktor perkhidmatan luar pesisir dan marin, dan SapuraAcergy Sdn Bhd, sebuah kontraktor pembinaan dan kejuruteraan dasar laut-ke-permukaan. Kedua-dua syarikat ini adalah syarikat usahasama dalam kumpulan Sapura Energy Berhad.

Sebelum menyertai industri minyak dan gas, beliau menghabiskan lebih daripada satu dekad dalam industri perkhidmatan kewangan sebagai perunding pengurusan, jurubank pelaburan dan juruaudit di Ethos Consulting, ECM Libra, CIMB Investment Bank dan PwC Malaysia.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Chicago Booth School

of Business, Amerika Syarikat. Beliau memperolehi Sarjana Muda Sains dalam bidang Ekonomi dan Perakaunan dari University of Bristol di United Kingdom pada tahun 1996.

Beliau ialah seorang felo Institute of Chartered Accountants di England dan Wales dan ahli bersekutu Institute of Chartered Accountants di Australia dan New Zealand. Beliau juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia dan seorang Pakar Penilaian Perniagaan Chartered Accountants Australia dan New Zealand. Beliau juga merupakan pemegang lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikeluarkan oleh SC untuk aktiviti memberi nasihat tentang kewangan korporat dan juruaudit syarikat berlesen yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Dato' Noorizah Abd Hamid, 58, sebelum ini merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PLUS Malaysia Berhad.

Semasa mengetuai syarikat tersebut, beliau terlibat dalam rundingan dan perolehan beberapa projek lebuh raya seperti Lebuh raya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) dan Lebuh raya Butterworth-Kulim serta lebuh raya di Indonesia dan India.

Beliau juga terlibat dalam penswastan PLUS Expressway Bhd, yang melibatkan rundingan dengan pihak Kerajaan dalam mengkaji semula perjanjian konsesi syarikat dan juga usaha menjana dana sebanyak RM30.6 bilion melalui terbitan sukuk yang merupakan terbitan bon Islam terbesar di dunia dalam penstrukturan semula syarikat.

Beliau juga merupakan Ketua Pegawai Operasi Faber Group Berhad dari tahun 1999 hingga tahun 2003, Pengarah Urusan Faber Group Berhad dan Faber Hotels Holdings Berhad dari tahun 2004 hingga 2007 di mana beliau telah menjalankan pengurusan keseluruhan syarikat tersebut. Semasa beliau berkhidmat di Faber, tugas utama beliau adalah melaksanakan penyusunan semula kewangan syarikat yang merosot.

Jawatan kanan lain yang pernah beliau sandang termasuk Pengurus Besar Kanan Kewangan Projek Lebuh raya Utara Selatan Berhad, Pengurus Kanan Kewangan Korporat Hatibudi Management Sdn Bhd, Pengurus Kewangan Korporat Renong Berhad dan Pegawai Kanan Kewangan Korporat Permodalan Nasional Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan dan Pengurusan) dari Central Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari universiti yang sama dan Diploma Perakaunan dari Institut Teknologi MARA.




**DATO' NOORIZAH ABD
HAMID**

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah MRT Corp telah menubuhkan empat jawatankuasa untuk memastikan integriti dan tadbir urus korporat syarikat yang baik. Empat jawatankuasa tersebut adalah:

- Jawatankuasa Audit dan Risiko
- Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
- Jawatankuasa Pemberi Maklumat
- Jawatankuasa Perbankan

Ahli-ahli setiap jawatankuasa terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah.



BARISAN KEPIMPINAN



Dato' Sri Shahril Mokhtar
Ketua Pegawai Eksekutif

Dato' Sri Shahril Mokhtar ialah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp. Beliau menetapkan hala tuju strategik keseluruhan organisasi dan memastikan pelaksanaan Projek MRT Lembah Klang adalah sejajar dengan mandat Kerajaan serta haluan yang telah ditetapkan oleh Ahli Lembaga Pengarah.



Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid
Ketua Pegawai Kewangan

Sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid bertanggungjawab dalam memastikan keseluruhan pengurusan kewangan dan pentadbiran korporat organisasi berkesan dan efisien. Beliau bertanggungjawab dalam pengurusan teknologi informasi untuk operasi organisasi dan mengawasi pengurusan aset untuk memastikan penggunaan dan penyelenggaraan optimum. Beliau juga bertanggungjawab ke atas pengurusan perolehan dan kontrak serta pelaksanaan agenda Bumiputera dalam Projek KVMRT.



Encik David Loo Kean Beng
Setiausaha Syarikat

Encik David Loo Kean Beng merupakan Setiausaha Syarikat dan juga Ketua Bahagian Perundangan dan Kesetiausahaan. Beliau bertanggungjawab atas semua urusan undang-undang dan kesetiausahaan syarikat. Ini termasuk urusan tanah seperti perjanjian dengan pemilik tanah untuk kewujudan bersama. Beliau juga perlu memastikan syarat-syarat kontrak perjanjian pembinaan dan segala pertikaian atas projek dan operasi diurus dan dilaksanakan dengan berkesan.



Dato' Zainal Adam
Ketua Pegawai Integriti

Sebagai Ketua Pegawai Integriti, Dato' Zainal Adam bertanggungjawab ke atas keberkesanan pelaksanaan polisi integriti di dalam organisasi, serta memupuk budaya integriti di kalangan pihak berkepentingan Projek KVMRT menerusi program-program dan inisiatif-inisiatif untuk memastikan pematuhan polisi dan prosedur integriti sepenuhnya.



Dato' Najmuddin Abdullah
Pengarah, Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan

Sebagai Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan, Dato' Najmuddin Abdullah bertanggungjawab atas strategi perhubungan awam dan komunikasi yang berkesan untuk mengurus penjenamaan dan reputasi organisasi. Ini termasuk memastikan penyaluran komunikasi dan informasi yang lancar dan berkesan antara pihak berkepentingan projek dan organisasi. Beliau juga bertanggungjawab atas pelaksanaan strategi dan perhubungan dengan pihak berkepentingan supaya dapat memastikan pelaksanaan Projek KVMRT berjalan dengan lancar.



Dato' Amiruddin Ma'aris
Pengarah Projek, Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya

Sebagai Pengarah Projek Laluan SSP, Dato' Amiruddin Ma'aris mengurus keseluruhan pelaksanaan Laluan SSP dengan memastikan keberkesanan pengurusan pembinaan supaya objektif utama projek dapat dicapai. Beliau ialah wakil majikan dalam tugas mengurus pihak berkepentingan projek yang berkenaan supaya dapat memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar.



Encik Abdul Mutalif Abdul Manaf
Pengarah, Sumber Manusia Strategik

Sebagai Pengarah Sumber Manusia Strategik, Encik Abdul Mutalif Abdul Manaf bertanggungjawab untuk memastikan strategi tenaga yang berkesan wujud untuk memastikan pengambilan dan pengekalan bakat serta pembangunan pekerja yang berterusan, dan pada waktu yang sama, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berharmoni di dalam organisasi. Beliau juga bertanggungjawab menguruskan sebarang perubahan dengan memastikan polisi dan amalan sedia ada kekal berdaya saing berbanding organisasi lain dan setara di dalam organisasi sendiri untuk memacu kecemerlangan yang berterusan.



Dato' Haris Fadzilah Hassan
Pengarah, Komersial dan Pengurusan Tanah

Sebagai Pengarah Komersial dan Pengurusan Tanah, Dato' Haris Fadzilah Hassan bertanggungjawab atas usaha memacu dan menguruskan aktiviti komersial dengan penggunaan aset MRT Corp dan aktiviti yang menjana pendapatan bukan tambang. Beliau memastikan segala aset MRT dapat menjana pulangan yang maksimum dan semua potensi pendapatan bukan tambang diterokai dan dioptimumkan. Beliau juga bertanggungjawab ke atas pengurusan proses pengambilan tanah untuk Projek KVMRT.



Encik Mohd Yusof Kasiron
Pengarah, Piawaian dan Pematuhan

Sebagai orang yang bertanggungjawab di atas kualiti dan keselamatan, Encik Mohd Yusof Kasiron sebagai Pengarah Piawaian dan Pematuhan perlu memastikan Projek KVMRT dilaksanakan dengan menepati amalan terbaik, undang-undang dan peraturan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar. Beliau perlu memastikan sistem dan prosedur operasi piawaian yang diperlukan telah digubal untuk mengawal dan menjamin kualiti projek. Beliau juga bertanggungjawab atas usaha memacu dan menguruskan piawaian ISO MRT Corp, dan penyimpanan ilmu pengetahuan dan dokumen.

INTEGRITI

Setiap warga kerja di MRT Corp dikehendaki bertindak dengan tahap kelakuan yang paling tinggi dari segi integriti dan nilai etika ketika menjalankan tugas. Untuk memastikan ini, pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh Unit Integriti MRT Corp dalam menggalakkan budaya integriti di seluruh organisasi berdasarkan lima tunggak, iaitu pendidikan, peningkatan, pencegahan, tindakan penalti dan penghargaan dan pengiktirafan.

Semasa tempoh laporan, Unit Integriti berjaya mencapai kejayaan dalam menanamkan budaya integriti antara warga kerja MRT Corp. Beberapa program telah dijalankan dalam tempoh ini untuk meningkatkan kesedaran dan pelaksanaan berkaitan tadbir urus dan integriti, iaitu:

- Program Integriti untuk warga kerja baru
- Pertandingan Video Pendek Integriti
- Program Kesedaran Integriti

- Kontraktor Bumiputera
- Ceramah Integriti untuk warga kerja wanita
- Ceramah Eksekutif oleh bekas Majistret yang telah disabit kesalahan dan dijatuhkan hukuman penjara akibat rasuah
- Taklimat Liabiliti Korporat kepada Ahli Lembaga Pengarah dan Barisan Kepimpinan

Dalam menggalakkan tadbir urus yang baik, Unit Integriti memastikan semua kes yang telah dilaporkan di bawah Polisi Pemberi Maklumat MRT Corp disiasat. Di samping itu, pemeriksaan mengejut dan semakan proses perniagaan dijalankan untuk membantu unit perniagaan dalam mengenalpasti sebarang jurang yang ada dalam proses sedia ada.

Kejayaan utama yang dicapai semasa tempoh laporan adalah pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001:2016 dari SIRIM QAS Sdn Bhd atas kejayaan pelaksanaan inisiatif Anti Rasuah di seluruh organisasi.

Pensijilan ini diiktiraf di seluruh dunia dan ini menunjukkan komitmen MRT Corp untuk menggunakan keperluan antarabangsa dalam membanteras rasuah di dalam perniagaan.

Dengan sokongan Ahli Lembaga Pengarah, Barisan Kepimpinan dan warga kerja MRT Corp, Unit Integriti akan terus berusaha untuk mempromosikan budaya integriti dan mengekalkan keperluan Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001:2016.



SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN ILMU PENGETAHUAN

PENGURUSAN KUALITI

Tempoh laporan ini merupakan tahun kedua sejak MRT Corp menerima Pensijilan ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti.

Sejumlah 137 prosedur telah dilaksanakan untuk memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti syarikat.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Bahagian Piawaian dan Pematuhan untuk penyelenggaraan dan pembaikan berterusan kepada Sistem Pengurusan Kualiti. Antaranya ialah:

- Latihan kajian semula prosedur tahunan untuk memastikan semua prosedur adalah yang terkini dan dikemaskini mengikut latihan dan proses yang terkini

- Latihan kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti untuk memberi ilmu pengetahuan asas Sistem Pengurusan Kualiti kepada warga kerja MRT Corp
- Pertandingan Sistem Pengurusan Kualiti untuk memberi pembelajaran yang menyeronokkan mengenai Sistem Pengurusan Kualiti kepada warga kerja
- Bengkel Juruaudit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti untuk meningkatkan kemahiran audit bagi juruaudit dalaman
- Perjumpaan untuk memastikan berita dan pertukaran terbaru kepada Sistem Pengurusan Kualiti disampaikan dengan baik kepada semua warga kerja

- Kajian Semula Pengurusan Tahunan atas keberkesanan keseluruhan sistem oleh Barisan Kepimpinan
- Audit Dalaman yang dijalankan secara kerap untuk penilaian sendiri


MRT Corp berjaya lulus audit penelitian kedua oleh SIRIM pada Oktober 2018 tanpa sebarang ketidakpatuhan atau pemerhatian. Pencapaian ini menunjukkan bahawa Barisan Kepimpinan dan warga kerja syarikat adalah komited dalam memastikan Sistem Pengurusan Kualiti dikekalkan dengan baik sepanjang masa.

ILMU PENGETAHUAN

MRT Corp telah melancarkan satu inisiatif untuk memperolehi dan mengekalkan ilmu pengetahuan yang dibawa ke dalam organisasi oleh warga kerja dan pihak lain yang berperanan sebagai rakan kongsi dalam membangunkan Projek KVMRT.

Salah satu inisiatif oleh Bahagian Piawaian dan Pematuhan adalah penubuhan Chapter, satu platform kerjasama tunggal yang memperolehi semua ilmu pengetahuan berkaitan Projek KVMRT. Inisiatif ini selaras dengan salah satu Objektif Kualiti organisasi iaitu Perkongsian Maklumat.

Chapter membolehkan pengekalan dan pertukaran ilmu pengetahuan dan amalan terbaik melalui fokus kepada Pengurusan Ilmu Pengetahuan yang sistematik. Ini membolehkan ilmu pengetahuan berkaitan Projek KVMRT kekal relevan dan berguna. Chapter juga mempromosikan inovasi dan perkembangan, meningkatkan



kerjasama antara warga kerja dan pihak berkepentingan menerusi komunikasi ilmu pengetahuan yang lebih baik dan menggalakkan pembelajaran sendiri dan pembangunan diri yang akan dapat menghasilkan peningkatan produktiviti melalui akses kepada ilmu pengetahuan tepat pada masanya.

MRT Corp juga secara aktif mendorong pemerolehan ilmu pengetahuan melalui pelbagai program pembangunan modal insan dan kapasiti seperti aktiviti-aktiviti latihan, Program Kerjasama Industri dan pakatan strategik dengan agensi kerajaan seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

PENGURUSAN RISIKO

Semasa tempoh laporan, penilaian risiko MRT Corp telah dibuat menerusi satu siri Bengkel Penilaian Risiko Suku Tahunan di peringkat jabatan, Bengkel Penilaian Risiko Strategik Suku Tahunan di peringkat pengurusan dan mesyuarat Jawatankuasa Risiko Projek di peringkat Projek KVMRT untuk menilai semua risiko penting. Resolusi dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Audit dan Risiko dan Lembaga Pengarah.

Selain daripada aktiviti penilaian risiko, satu siri program dan bengkel kesedaran risiko juga dijalankan sepanjang tahun oleh Jabatan Pengurusan Risiko sebagai sebahagian daripada proses pengurusan risiko untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai pengurusan risiko kepada pekerja MRT Corp. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan sebagai usaha berterusan untuk menanam budaya kesedaran risiko dalam organisasi.

Sepanjang tempoh laporan, sebanyak lima sesi latihan atau kesedaran risiko telah dianjurkan, termasuk pengenalan untuk peserta baru, kursus penyegaran dan juga program latihan separuh hari. Pada 9 dan 10 Julai 2018, sebuah bengkel dua hari yang dihadiri oleh 80 orang warga

"PROGRAM INI MENEKANKAN TENTANG PENGENALAN PENGURUSAN RISIKO DAN ISU-ISU RISIKO PEKERJAAN PROJEK SERTA SESI PERMAINAN YANG MELIBATKAN SEMUA PESERTA."


kerja dari pelbagai bahagian dan jabatan telah diadakan. Satu lagi program separuh hari telah dijalankan pada bulan Oktober 2018 yang dihadiri oleh 40 orang warga kerja. Program ini menekankan tentang pengenalan pengurusan risiko dan isu-isu risiko pekerjaan projek serta sesi permainan yang melibatkan semua peserta. Video risiko korporat pertama juga diperkenalkan kepada peserta.

Bengkel Penilaian Risiko Suku Tahunan yang diadakan di peringkat jabatan dan strategik telah diadakan untuk menangani semua risiko yang sedia ada dan bermungkinan terjadi dalam MRT Corp. Bagi risiko berkenaan Projek KVMRT, Jabatan Pengurusan Risiko telah mengetuai Jabatan Pengurusan Risiko PDP dan MGKT dalam pelaksanaan proses pengurusan risiko projek yang selaras dengan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko yang ditetapkan.

Di peringkat kerja, proses pengurusan risiko projek telah diintegrasikan ke dalam setiap peringkat membuat keputusan. Di samping bengkel risiko bulanan, perkara-perkara berkaitan risiko dibincangkan di dalam sesi-sesi berkaitan kemajuan, teknikal dan taklimat kaedah kerja serta mesyuarat penilaian risiko, di mana amalan pengurusan risiko tertanam dalam semua fasa pengurusan projek.

Di peringkat yang lebih tinggi, pemilikan risiko didemonstrasikan dengan cara pembentangan risiko oleh Kepimpinan Pengurusan Projek PDP dan MGKT kepada Barisan Kepimpinan MRT Corp. Ini dilakukan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Risiko Projek yang diadakan setiap suku tahun. Mesyuarat diadakan untuk meliputi perkara-perkara berikut:

- Menilai pelaksanaan amalan pengurusan risiko projek untuk kerja-kerja bawah tanah dan bertingkat Laluan SSP



- Membolehkan perbincangan risiko antara MRT Corp, PDP dan MGKT
- Memastikan pendekatan pengurusan risiko projek adalah proaktif dan berkesan
- Mengkaji semula, menjangkakan dan mengurangkan risiko projek yang penting yang boleh memberi kesan kepada MRT Corp dan penyerahan projek
- Mengesahkan peningkatan risiko projek kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko





PROJEK TRANSIT ALIRAN MASSA LEMBAH KLANG



PROJEK TRANSIT ALIRAN MASSA LEMBAH KLANG

Projek KVMRT melibatkan pembinaan jaringan rel bandar yang akan berintegrasi dengan sistem-sistem transit aliran ringan (LRT), monorel, KTM Komuter, KLIA Ekspres dan KLIA Transit yang sedia ada. Jaringan rel bandar ini akan menjadi tulang belakang sistem perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan pada Disember 2010 dan merupakan satu Projek Penggerak Ekonomi Program Transformasi Ekonomi (ETP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Projek ini pada mulanya dicadangkan oleh satu konsortium sektor swasta pada awal 2010 dan merangkumi tiga jajaran. Kerajaan telah mengkaji cadangan tersebut dan meluluskan pelaksanaan Laluan SBK sebagai jajaran pertama Projek KVMRT untuk dibangunkan.

Pembinaan Laluan SBK sepanjang 51km telah dilancarkan secara rasmi pada 8 Julai 2011 dan pada 16 Disember 2016, Fasa Pertama laluan yang merangkumi 12 stesen antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen

Semantan telah mula beroperasi. Tujuh bulan kemudiannya pada 17 Julai 2017, keseluruhan laluan telah dibuka kepada orang ramai. Operasi laluan dikendalikan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana.

Kerajaan telah memberi kelulusan bagi pelaksanaan laluan MRT kedua, iaitu Laluan SSP pada Februari 2014. Selepas proses mandatori pemeriksaan awam yang dijalankan antara Mei dan Ogos 2015, Skim Keretapi Laluan SSP telah diberikan kelulusan muktamad pada Oktober 2015. Majlis rasmi pecah tanah bagi Laluan SSP telah diadakan pada 15 September 2016. Pada akhir tempoh kajian, kemajuan pembinaan Laluan SSP adalah 40.5%.

Laluan ketiga yang dicadangkan di bawah Projek KVMRT adalah

satu laluan lingkaran yang akan menghubungkan kesemua rangkaian rel sedia ada bagi Rangkaian Rel Bandar Berintegrasi Lembah Klang. Koridor bagi Laluan Lingkaran yang dicadangkan telah dikenal pasti oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat dan telah dikemaskini melalui kajian kebolehlaksanaan oleh MRT Corp.

Pada Mei 2018, Kerajaan mengumumkan pembangunan Laluan Lingkaran telah ditangguhkan sehingga keadaan kewangan negara bertambah baik.

Rangkaian Rel Bandar Berintegrasi Lembah Klang



Petunjuk

1 KTM Laluan Seremban	5 LRT Laluan Kelana Jaya	9 MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang	Stesen Sambungan	Terminal Lapangan Terbang
2 KTM Laluan Port Klang	6 ERL Laluan KLIA Ekspres	10 KTM Laluan Skypark	Stesen Pertukaran	Medan Kereta
3 LRT Laluan Ampang	7 ERL Laluan KLIA Transit	11 LRT Laluan Bandar Utama-Klang	Terminal Rel	
4 LRT Laluan Sri Petaling	8 Laluan KL Monorel	12 MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya	Stesen Bas Antarabandar	

* Apabila mula beroperasi pada 2021, Laluan SSP akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini menjadikan jumlah bilangan stesen Laluan SSP kepada 38 buah stesen termasuk Stesen Kwasa Damansara, Stesen Kampung Selamat dan Stesen Sungai Buloh yg telah dibina di bawah SBK. Jadi, Laluan SBK juga akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini akan mengurangkan bilangan stesen Laluan SBK dari 31 kepada 29 buah stesen.



MRT LALUAN SUNGAI BULOH- SERDANG- PUTRAJAYA



MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA

Laluan SSP merupakan laluan kedua Projek MRT Lembah Klang yang dibangunkan, selepas Laluan SBK. Laluan ini akan menyediakan perkhidmatan MRT sepanjang koridor yang bermula dari Sungai Buloh, menerusi pusat bandar Kuala Lumpur dan kawasan pinggiran selatan hingga ke Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan Malaysia.

Jajaran sepanjang 52.2km ini terdiri daripada landasan bertingkat sepanjang 38.7km dan landasan bawah tanah yang melalui terowong sepanjang 13.5km. Laluan ini mempunyai 35 stesen dan perancangan untuk dua stesen yang akan dibina pada masa hadapan. Laluan ini terdiri daripada 24 stesen bertingkat dan 11 stesen bawah tanah.

Laluan SSP mempunyai 11 stesen pertukaran dengan perkhidmatan rel sedia ada di rangkaian rel bandar Lembah Klang. Ini akan memudahkan pengguna bertukar dari satu laluan ke laluan yang lain.

Kabinet telah meluluskan pelaksanaan Laluan SSP pada 2014. Pemeriksaan awam di bawah Seksyen 8 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dijalankan dari bulan Mei sehingga bulan Ogos 2015 untuk membolehkan orang awam memberikan maklum balas dan bantahan. Kelulusan muktamad bagi Skim Keretapi Laluan SSP telah diberikan oleh Kerajaan pada Oktober 2015, dan ini membolehkan proses pengambilan tanah dan perolehan

dijalankan.

Majlis pecah tanah Laluan SSP telah diadakan di tapak Stesen MRT Putrajaya Sentral pada 15 September 2016 dan ini telah menandakan bermulanya kerja-kerja pembinaan laluan.

Pada suku kedua tahun 2018, Kerajaan telah mengkaji semula projek-projek infrastruktur utama di seluruh negara termasuk Laluan SSP bagi mengurangkan perbelanjaan dana awam. Rundingan semula dengan kesemua pihak yang terlibat dalam pembinaan Laluan SSP termasuk Rakan Pelaksana Projek dan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, kontraktor bawah tanah laluan, telah dijalankan.


Pada Oktober 2018, Kerajaan telah mengumumkan bahawa persetujuan telah dicapai di mana struktur projek Laluan SSP akan ditukar daripada struktur Rakan Pelaksana Projek kepada kontrak siap guna, dan Rakan Pelaksana Projek akan berperanan sebagai kontraktor siap guna. Satu persetujuan turut dicapai untuk

mengurangkan kos pembinaan di mana kerja-kerja bertingkat dikurangkan sebanyak RM5.22 bilion menjadi RM17.42 bilion dan kerja-kerja bawah tanah dikurangkan sebanyak RM3.6 bilion menjadi RM13.11 bilion. Sebahagian daripada pengurangan kos ini adalah daripada pengurangan atau penangguhan beberapa skop kerja.

Pada 31 Disember 2018, rundingan antara MRT Corp dan MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd untuk memuktamadkan terma dan skop kontrak siap guna masih dijalankan.

Fasa Pertama Laluan SSP terdiri daripada sebahagian laluan dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen MRT Kampung Batu bersama dengan sebahagian Laluan SBK di antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Kwasa Damansara yang akan dipindahkan ke Laluan SSP, akan mula beroperasi pada 2021, manakala laluan dari Stesen Kampung Batu ke Stesen MRT Putrajaya Sentral akan mula beroperasi di dalam Fasa Kedua pada tahun 2022.

MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA



PEMBINAAN

Jabatan Projek Laluan SSP di MRT Corp menguruskan pembinaan jejambat bertingkat, depoh, terowong dan stesen serta sistem mekanikal dan elektrik yang diperlukan untuk sistem kereta api yang berfungsi sepenuhnya bagi Laluan SSP.

Seperti Laluan SBK, jabatan ini memainkan dua peranan yang berbeza.

Untuk kerja-kerja bertingkat, depoh, kemudahan tempat letak kereta bertingkat dan juga kelengkapan sistem mekanikal dan elektrik, jabatan ini mengawasi Rakan Pelaksana Projek yang secara langsung memantau aktiviti-aktiviti pembinaan yang dijalankan oleh kontraktor pakej kerja.

Untuk kerja-kerja bawah tanah, jabatan ini secara langsung menyelia kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan, terutamanya dalam bidang kemajuan, keselamatan dan kualiti.

Berikutan keputusan Kerajaan untuk merasionalisasi perbelanjaan projek-projek infrastruktur utama, struktur projek bagi Laluan SSP akan ditukar daripada Rakan Pelaksana Projek kepada kontrak siap guna. Proses pertukaran kepada struktur projek yang baharu masih dijalankan pada akhir tempoh laporan.

Pada 31 Disember 2018, keseluruhan kemajuan Laluan SSP adalah 40.52% berbanding program iaitu 40.18%. Ini bermakna kemajuan adalah lebih awal dari yang dijadualkan.



KERJA BERTINGKAT

Kerja-kerja bertingkat terdiri daripada 10 pakej kerja pembinaan jejambat bertingkat bagi landasan tunggal dan berkembar sepanjang 38.7km. Kerja-kerja bertingkat turut merangkumi pembinaan 24 stesen bertingkat dan sebuah depoh di Serdang. Dua stesen tambahan turut dirangka untuk dibina pada masa depan.

Tempat letak kereta bertingkat yang akan dibina bersebelahan stesen juga termasuk dalam skop kerja-kerja bertingkat.

Setakat 31 Disember 2018, kesemua 10 pakej kerja jejambat bertingkat, dua pakej kerja galang kekotak bersegmen dan 10 pakej kerja stesen telah dianugerahkan. Tender-tender bagi tempat letak kereta bertingkat sedang dijalankan pada akhir tempoh laporan dan akan dilaksanakan di bawah pakej kontrak siap guna.

Pada akhir tempoh laporan, kemajuan kerja-kerja bertingkat adalah 40.13% siap, berbanding dengan program pada 37.34%, iaitu lebih awal dari yang dijadualkan.

Pembinaan cerucuk gerak, tukup cerucuk dan tiang di kesemua pakej bertingkat berjalan dengan baik. Pembinaan rentangan jejambat dengan menggunakan gantri pelancar

dan penyangga sedang dijalankan di kesemua pakej. Aktiviti-aktiviti kerja tanah, saluran dan struktur sedang dijalankan di depoh. Sementara itu, penggalian terowong sedang dijalankan di Pakej Kerja V207.

Pengacuan galang kekotak bersegmen telah siap bagi Pakej Kerja V201 dan sedang dijalankan bagi pakej kerja yang lain. Pengeluaran besar-besaran galang kekotak bersegmen di bawah Pakej Kerja SBG201 dan SBG202 telah dijalankan. Sebanyak 10,996 (74.7%) segmen telah dihasilkan oleh pembekal yang ditetapkan pada akhir tempoh laporan.

Pelancaran galang kekotak bersegmen telah dijalankan bagi semua pakej kerja jejambat. Pelancaran rentangan khas sedang dijalankan di Pakej Kerja V201, V202 dan V203.

Pembinaan semua stesen, substesen bekalan kuasa daya tarikan, substesen bekalan pukal dan bangunan utiliti telah dijalankan. Kuarters Polis Sungai Besi telah siap dan Sijil Penyiapan dan Pematuhan telah diperolehi pada 14 Disember 2018.



KERJA-KERJA BAWAH TANAH

Pakej Kerja Bawah Tanah Laluan SSP merangkumi pembinaan terowong berkembar dan 11 stesen bawah tanah di jajaran bawah tanah sepanjang 13.5km. Kerja-kerja bawah tanah telah siap 45.1% pada 31 Disember 2018.

Bagi pembinaan stesen bawah tanah, kerja-kerja tembok penahan untuk lapan stesen telah siap sementara di dua tapak stesen – Kampung Baru dan Bandar Malaysia Selatan, kerja sedang dijalankan. Kerja-kerja penggalian telah siap di tapak Stesen MRT Titiwangsa dan sedang dijalankan di tapak stesen yang lain di mana kerja-kerja di tapak Stesen Sentul Barat dan tapak Stesen Bandar Malaysia Utara sudah hampir siap pada akhir tempoh laporan.

Setakat 31 Disember 2018, kerja-kerja struktur konkrit tetulang kekal sedang dijalankan di Stesen Sentul Barat, Titiwangsa, Kampung Baru Utara, Ampang Park, KLCC Timur, Chan Sow Lin, Bandar Malaysia Utara dan Bandar Malaysia Selatan.

Bagi kerja-kerja terowong, penggalian telah dimulakan pada Mac 2018 dengan pelancaran mesin pengorek terowong yang pertama di tapak terowong Bandar Malaysia Utara. Seterusnya dua lagi mesin pengorek terowong telah dilancarkan – di Bandar Malaysia Utara dan tapak terowong Titiwangsa semasa tempoh laporan.

Dua mesin pengorek terowong yang telah dilancarkan di Bandar Malaysia Utara mengorek ke arah utara ke Chan Sow Lin dan telah mencapai 91% dan 72% keseluruhan jarak terowong pada akhir tempoh laporan. Mesin pengorek terowong di Titiwangsa turut mengorek terowong ke arah utara ke



tapak Stesen Sentul Barat, dan telah menyiapkan 3% keseluruhan jarak terowong semasa tempoh laporan. Ketiga-tiga mesin pengorek terowong telah menyiapkan sepanjang 3,137 meter terowong pada 31 Disember 2018.

Lima lagi mesin pengorek terowong sedang berada dalam pelbagai peringkat pemasangan di tapak, di mana tiga buah mesin berada di Titiwangsa sementara dua lagi di tapak Sesiilang Hospital Kuala Lumpur.

Loji sokongan kerja terowong dan peralatan telah siap dipasang di kesemua tapak pelancaran terowong, iaitu di Titiwangsa, Sesiilang Hospital Kuala Lumpur, Conlay, Chan Sow Lin dan Bandar Malaysia Utara. Sejumlah 10,167 daripada 15,962 gelang pelapik terowong telah dihasilkan pada akhir tempoh laporan dan awal dari jadual kerja-kerja terowong.

Kerja pembinaan telah dimulakan di dua Syaf Penyelenggaraan dan

tiga Syaf Kecemasan sepanjang laluan terowong. Semua kerja-kerja cerucuk sudah siap sementara kerja-kerja penggalian adalah 30% siap di Syaf Kecemasan 1. Kerja-kerja cerucuk di Syaf Kecemasan 2 adalah 70% siap sementara di Syaf Penyelenggaraan 2, Syaf Kecemasan 3 dan Syaf Penyelenggaraan 3, kesemua kerja-kerja cerucuk sudah selesai sementara kerja-kerja penggalian masing-masing adalah pada 90%, 80% dan 58% siap. Di Portal Selatan Desa Water Park, tahap kemajuan keseluruhan kerja-kerja cerucuk adalah 79% siap pada akhir tempoh laporan.

Kerja-Kerja Perlindungan Bangunan dan penurapan di sepanjang jajaran sedang dijalankan di beberapa lokasi semasa tempoh laporan dan kesemua lokasi dijangka siap awal sebelum ketibaan mesin pengorek terowong.



KERJA-KERJA ELEKTRIKAL DAN MEKANIKAL

Pakej-pakej kerja sistem elektrik dan mekanikal untuk Laluan SSP merangkumi:

- SY201 – Semboyan dan Kawalan Tren, dan Pintu Skrin Platform/Pintu Platform Automatik
- SY202 – Sistem Penyeliaan Kawalan Bersepadu dan Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Berkomputer
- SY203 – Tren Elektrik dan Peralatan Depoh
- SY204 – Kerja-Kerja Landasan, Kenderaan Penyelenggaraan dan Tren Kerja
- SY205 – Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa
- SY206 – Komunikasi, Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan, Telekom Komersial (Infra) dan Sistem Teknologi Maklumat
- SY207 – Sistem Kutipan Tambang Automatik

Setakat 31 Disember 2018, tahap kemajuan keseluruhan kerja-kerja sistem elektrik dan mekanikal adalah menepati jadual pada 25.55% berbanding 22.10% yang ditetapkan.

Semboyan dan Kawalan Tren, dan Pintu Skrin Platform/Pintu Platform Automatik

Kemajuan keseluruhan Pakej Kerja Semboyan dan Kawalan Tren, dan Pintu Skrin Platform/Pintu Platform Automatik adalah 32.14% pada akhir tempoh laporan. Kemajuan ini ialah hasil daripada persediaan dan penghantaran semula dokumen-dokumen reka bentuk akhir, reka bentuk antara muka dan lukisan servis bersepadu (CSD).

Sistem Penyeliaan Kawalan Bersepadu dan Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Berkomputer

Sistem Penyeliaan Kawalan Bersepadu (ICSS) akan digunakan oleh kakitangan operasi untuk mengawal dan memantau sistem kritikal tren untuk mengelakkan gangguan perkhidmatan. Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Berkomputer (CMSS) pula akan digunakan oleh kakitangan penyelenggaraan untuk menjadual dan mengambil langkah pencegahan dan pembetulan dalam aktiviti-aktiviti penyelenggaraan. Kedua-dua sistem

ini akan memastikan kelancaran operasi dan pengurusan aset Laluan SSP.

Keseluruhan tahap kemajuan pada 31 Disember 2018 adalah 32.29% dengan kerja-kerja peringkat reka bentuk awal untuk ICSS dan peringkat reka bentuk akhir untuk CMSS dengan beberapa aktiviti prasyarat sudah dilaksanakan.

Tren Elektrik dan Peralatan Depoh

Setakat 31 Disember 2018, tahap kemajuan pakej kerja Tren Elektrik adalah pada 14.22% di mana pengeluaran tren Hyundai-Rotem telah meneruskan penghasilan gerabak tren dan bogi serta kerja pemasangan, termasuk pemasangan sepenuhnya dua set tren pertama di kilangnya di Changwon, Korea Selatan.

Pada akhir tempoh laporan, kesemua ujian penerimaan kilang (FAT) telah siap sementara penghasilan dan pemasangan percubaan gerabak sedang dijalankan.

Dua set tren yang pertama akan





melalui pemasangan percubaan sehingga tahap percubaan dan perjalanan bebas masalah sebelum dihantar ke Malaysia pada tahun 2019. Baki 47 buah tren akan dihantar menggunakan kapal dan dipasang di kilang pemasangan tren di Rasa setelah penghasilan, pra-pemasangan dan percubaan dilakukan. Penghantaran pertama gerabak tren dijangka tiba pada Januari 2019.

Kerja-Kerja Landasan, Pakej Kerja Kenderaan Penyelenggaraan dan Tren Kerja

Tahap kemajuan keseluruhan pakej kerja Kerja-Kerja Landasan, Kenderaan Penyelenggaraan dan Tren Kerja adalah 30.10% siap pada 31 Disember 2018. Pakej Kerja-Kerja Landasan berada pada peringkat reka bentuk akhir sementara pakej kerja Kenderaan Penyelenggaraan dan Tren Kerja telah selesai peringkat reka bentuk akhir dan akan memulakan Pemeriksaan Perkara Pertama pada Januari 2019. Memandangkan pembinaan Depoh Sungai Buloh untuk Laluan SSP hampir selesai, kerja-kerja landasan untuk kawasan tersebut dijangka bermula pada Januari 2019.

Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa

Tahap kemajuan keseluruhan untuk

pakej kerja Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa adalah 23.03% siap. Peringkat reka bentuk awal telah siap pada Mei 2018 dan diteruskan ke peringkat reka bentuk akhir yang dijangka siap pada akhir Januari 2019. Beberapa FAT telah dijalankan untuk pembekal dan bahan yang diperakui. Baki FAT akan dijalankan pada tahun 2019 dan dijangka selesai pada akhir Februari 2019.

Komunikasi, Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan, Telekom Komersial (Infra) dan Sistem Teknologi Maklumat

Tahap kemajuan keseluruhan pakej kerja Komunikasi, Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan, Telekom Komersial dan Sistem Teknologi Maklumat adalah 28.02% siap pada akhir tempoh laporan. Kerja-kerja telah melepasi peringkat reka bentuk awal pada September 2018 dan akan melalui peringkat reka bentuk akhir dan dijangka siap pada akhir Mac 2019. Beberapa FAT untuk pembekal dan bahan yang diperakui telah dijalankan. Baki FAT akan dijalankan pada tahun 2019 dan dijangka selesai pada akhir Mac 2019.

Sistem Kutipan Tambang Automatik

Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) terdiri daripada komponen-komponen bagi kutipan tambang dan

pengeluaran tiket secara automatik bagi sesuatu rangkaian pengangkutan awam. Dengan menggunakan peralatan dan bahan yang menyokong Teknologi Media Pintar Tanpa Sentuh, sistem ini terdiri daripada Komputer Utama AFC, Komputer-Komputer Perakaunan Stesen, Pintu Automatik, Mesin Tiket Layan Diri, Prosessor Tiket Pejabat, Penganalisa Tiket Mudah Alih, Sistem Personalisasi Kad dan Troli Simpanan Wang. Kerja-kerja telah selesai peringkat reka bentuk awal pada Julai 2018 dan pada akhir tempoh laporan, tahap kemajuan adalah pada 43.04%.

BAS PERANTARA

Perancangan bagi laluan bas perantara untuk Laluan SSP telah bermula pada akhir tahun 2017 dan 55 laluan yang merangkumi kawasan perumahan utama di sepanjang jajaran telah dikenalpasti. Kawasan-kawasan ini termasuk Kepong, Selayang, Jinjang, Gombak di bahagian jajaran bertingkat utara; Chan Sow Lin, Desa Petaling, Taman Desa, Jalan Klang Lama di bahagian jajaran bawah tanah; dan Bandar Tasik Selatan, Bukit Jalil, Serdang, Puncak Jalil, Cyberjaya dan Putrajaya di bahagian jajaran bertingkat selatan.

Sebanyak 150 buah bas yang terdiri daripada 40 buah bas elektrik dan 110 buah bas diesel akan digunakan untuk laluan-laluan tersebut.

Empat puluh buah bas diesel telah dirancang untuk digunakan di 18 laluan yang akan memulakan operasi di bawah Fasa Satu pada tahun 2021. Laluan-laluan ini akan bermula dari sembilan stesen yang akan dibuka di bawah Fasa Satu. Baki 37 laluan yang akan memulakan operasi di bawah Fasa 2 pada tahun 2022 akan menggunakan 110 buah bas, termasuk 40 buah bas elektrik yang dirancang untuk laluan di Cyberjaya dan Putrajaya.

Dua buah depoh akan dibina di Jinjang dan Serdang untuk bas perantara yang menyediakan perkhidmatan untuk Laluan SSP. Pada akhir tempoh laporan, tender untuk Depoh Bas Jinjang telah dikeluarkan dan sedang dijalankan. Pembinaan Depoh Bas Serdang adalah dalam peringkat reka bentuk pada 31 Disember 2018. Pengumuman tender dijangka dilakukan pada bulan Jun 2019.





PEROLEHAN



Semasa tempoh laporan, perolehan Projek MRT Lembah Klang hanya dijalankan untuk Laluan SSP memandangkan Laluan SBK telah siap dan dibuka kepada orang ramai pada Julai 2017.

Sebanyak 50 daripada 68 pakej kerja telah berjaya dianugerahkan sehingga 31 Disember 2018. Semasa tempoh laporan, 12 pakej kerja bernilai

RM1,224.2 juta (selepas pelarasan bagi kos utama sehingga tarikh tersebut) telah dianugerahkan.

Ringkasan status perolehan dipaparkan di dalam **Jadual 1** dan ringkasan pakej kerja yang telah dianugerahkan semasa tempoh laporan adalah seperti di dalam **Jadual 2**.

Empat mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehati telah diadakan untuk mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan penganugerahan tender untuk Laluan SSP semasa tempoh laporan. **Jadual 3** memaparkan ringkasan mesyuarat yang dijalankan.

JADUAL 1: STATUS PEROLEHAN

No	Kategori Pakej Kerja	Pakej Kerja yang Dianugerahkan antara 1 Oktober 2017 dan 31 Disember 2018	Pakej Kerja yang Dianugerahkan sehingga 31 Disember 2018	Jumlah Pakej Kerja
1.	Kerja-Kerja Awalan:			8
	• Bertingkat	-	3	
	• Bawah Tanah	-	5	
2.	Kerja-Kerja Bawah Tanah	-	1	1
3.	Peningkatan Salinghubungan	-	-	1
4.	Kerja-Kerja Jalan Utama	-	-	1
5.	Sivil & Infrastruktur:			
	• Jambatan	-	10	10
	• Depoh	-	3	3
	• Tempat Letak Kereta Bertingkat	-	-	9
	• Stesen (Sub-Kontraktor yang Terpilih)	3	9	9
6.	Kerja-Kerja Sistem	-	7	7
7.	Pembekal Khusus	1	3	8
8.	Kontraktor Khusus	8	9	11
JUMLAH		12	50	68

JADUAL 2: KONTRAK PENGANUGERAHAN UNTUK MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA PADA TAHUN KEWANGAN 2017/2018

No	Kod	Pakej Kerja	Nilai Kontrak (RM' juta)	Tarikh Anugerah
1.	S205	Pembinaan dan Penyiapan Stesen-Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Besi dan Serdang Raya (Utara)	243.34	12 Okt 17
2.	S206	Pembinaan dan Penyiapan Stesen-Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Serdang Raya (Selatan), Seri Kembangan dan UPM	288.47	12 Okt 17
3.	S209	Pembinaan dan Penyiapan Stesen-Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di 16 Sierra dan Cyberjaya Utara	137.90	12 Okt 17
4A.	L&E 202	Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Lif dan Eskalator untuk Stesen-Stesen Bertingkat (Pakej: V203, V204, V205 dan V206)	69.83	12 Okt 17
4B.	L&E 202	Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Lif dan Eskalator untuk Stesen-Stesen Bertingkat dan Depoh (Pakej: V208, V209, V210 dan DPT201)	42.92	12 Okt 17
5.	BMS201	Mereka Bentuk, Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Pengurusan Bangunan untuk Bahagian Jajaran Bertingkat (V201 hingga V210) dan Depoh (DPT201)	39.89	15 Dis 17
6.	NB201	Mereka Bentuk, Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Penghadang Bunyi dan Pagar untuk Bahagian I (V201 hingga V203) dan Bahagian II (V204 hingga V210)	189.26	15 Dis 17
7.	EAC201	Mereka Bentuk, Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Kawalan Akses Elektronik	55.80	15 Dis 17
8.	LED201	Mereka Bentuk, Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Pencahayaan LED untuk Stesen-Stesen Bertingkat (Pakej V201 hingga V203)	32.27	15 Dis 17
9.	BMS202	Mereka Bentuk, Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Pengurusan Bangunan untuk Kerja-Kerja Bawah Tanah	50.00	15 Dis 17
10.	LED202	Mereka Bentuk, Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Pencahayaan LED untuk Stesen-Stesen Bertingkat (Pakej: V204 hingga V206)	28.90	28 Mac 18
11.	LED203	Mereka Bentuk, Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Pencahayaan LED untuk Stesen-Stesen Bertingkat (Pakej: V208 hingga V210)	19.10	31 Dis 18
12.	UPS202	Mereka Bentuk, Pembekalan, Penghantaran, Penyeliaan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Pembekalan Kuasa Tanpa Gangguan bagi Stesen-Stesen Bertingkat dan Depoh (Pakej: Sebahagian V203, V204 hingga V210 dan DPT201)	26.57	31 Dis 18

JADUAL 3: MESYUARAT PROSES PEROLEHAN

No	Jenis Mesyuarat	Mesyuarat yang Telah Diadakan antara 1 Oktober 2017 dan 31 Disember 2018	Mesyuarat yang Telah Diadakan sehingga 31 Disember 2018
1.	Jawatankuasa Kerja	21	108
2.	Jawatankuasa Teknikal Sehati	8	47
3.	Jawatankuasa Perolehan Sehati (OSPC)	1	6
	OSPC III	2	11
	OSPC II	1	13
	OSPC I		

TANAH

PENGAMBILAN TANAH

Semasa tempoh laporan, proses pengambilan tanah untuk Laluan SSP lebih bertumpu kepada Lot 153 bagi Pusat Membeli Belah Ampang Park di Kuala Lumpur di mana proses pengambilan baki 133 lot strata daripada jumlah 253 lot strata telah selesai.

Sehingga 31 Disember 2018, pengambilan sebanyak 536 lot daripada jumlah keseluruhan 538 lot di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah selesai dengan pengeluaran Borang K. Di negeri Selangor, pengambilan 107 lot daripada jumlah keseluruhan 108 lot telah selesai dengan pengeluaran Borang K.

Nilai keseluruhan wang pampasan yang telah dibayar pada akhir tempoh laporan adalah RM5.28 bilion.



Persetujuan Bersama

Persetujuan Bersama merupakan satu skim kewujudan bersama yang membenarkan beberapa pemilik tanah yang pada asalnya tanah mereka dirancang untuk diambil balik di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dapat mengekalkan pemilikan tanah mereka tertakluk kepada hakmilik tanah yang menunjukkan kewujudan struktur MRT.


Pada 31 Disember 2018, sebanyak 14 pemilik tanah telah menandatangani

perjanjian dengan MRT Corp untuk kewujudan bersama dengan Laluan SSP. Rundingan sedang dijalankan dengan para pemilik tanah lain yang telah memberikan kebenaran kepada MRT Corp untuk memulakan kerja.

Melalui pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 yang berkuatkuasa pada 1 Disember 2017, kerajaan kini boleh mengambil balik tanah bawah tanah secara wajib tanpa melibatkan pemilikan tanah di permukaan.

Pada akhir tempoh laporan, dua lot tanah bawah tanah di Kuala Lumpur sedang dalam proses pengambilan balik secara wajib untuk pembinaan terowong.

PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN UNTUK LALUAN SSP




LOKALISASI/
SUB-KONTRAK
RM2,279 juta



AKSES PASARAN
RM20 juta



JUMLAH PELABURAN (PELABURAN LANGSUNG ASING/DDI/PENUBUHAN LOJI/USAHASAMA)
RM63.4 juta



JUMLAH BENEFISIARI
(SYARIKAT BERAUDIT)
87



JUMLAH PESERTA UNTUK LATIHAN/
PENGAMBILAN KAKITANGAN
SEMENTARA
13,661

PROGRAM KOLABORASI INDUSTRI

Program Kolaborasi Industri (ICP) merupakan satu platform yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk menyokong pembangunan ekonomi negara dalam perolehan pembekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja Kerajaan. Objektif Program Kolaborasi Industri ialah untuk mengoptimumkan nilai perolehan negara dan memaksimumkan pulangan pelaburan negara.

Berlandaskan Polisi dan Panduan Program Kolaborasi Industri dalam Perolehan Kerajaan, setiap perolehan Kerajaan dari pembekal asing bernilai lebih daripada RM50 juta akan mencetuskan keperluan untuk Ofset sementara setiap perolehan Kerajaan bernilai lebih daripada RM100 juta melibatkan kontraktor tempatan akan mencetuskan keperluan untuk Program Peningkatan Ekonomi.

Inisiatif Program Kolaborasi Industri boleh dijalankan di bawah kategori-kategori berikut – pelaburan langsung asing, lokalisasi atau sub-kontrak, pembangunan modal insan, pemindahan teknologi, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, dan akses pasaran.

Program Kolaborasi Industri yang dilaksanakan untuk Laluan SSP dijangka akan menyumbangkan sebanyak RM6.98 bilion dalam Nilai Kredit Program Kolaborasi Industri kepada ekonomi Malaysia apabila ia tamat pada Mei 2021.

Di antara inisiatif penting program adalah:

- Kerja-kerja pemasangan tren Laluan SSP dijalankan oleh SMH Rail di Rasa, Selangor. SMH Rail telah dianugerahkan kontrak di bawah inisiatif Program Kolaborasi Industri

Pakej Kerja Tren Elektrik oleh kerana kebolehan dan rekodnya yang terbukti dalam kerja-kerja pemasangan tren elektrik Laluan SBK

- Penajaan kepada graduan-graduan tempatan dan luar negara dalam institut pengajian tinggi bagi bidang berkaitan rel bernilai RM3 juta di bawah Pakej Kerja Bawah Tanah
- Lokalisasi dan projek-projek subkontrak bernilai RM2.28 bilion telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat tempatan
- Penubuhan Pusat Latihan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) MRT akan memberi tumpuan kepada melahirkan kesedaran dan menyediakan latihan untuk kontraktor-kontraktor Projek KVMRT dan mereka yang terlibat dalam Laluan SSP. Program latihan ini akan membantu mereka memahami dan menggunakan teknologi BIM dalam mengubah cara projek direka bentuk, dibina dan dikendalikan. BIM juga akan membantu memperbaiki proses membuat keputusan dan prestasi keseluruhan kitaran hidup bangunan dan infrastruktur

NOTA: NILAI AKHIR AKAN DITENTUKAN SELEPAS AUDIT PASCAPELAKSANAAN
SUMBER: TDA, DISEMBER 2018

PENYERTAAN BUMIPUTERA

Program Penyertaan Bumiputera MRT Corp bagi Laluan SSP dibina di atas kejayaan yang telah dicapai untuk Laluan SBK. Sasaran penyertaan syarikat Bumiputera dalam pembinaan Laluan SSP adalah 45% daripada nilai keseluruhan kontrak yang dianugerahkan, iaitu peningkatan daripada 43% untuk Laluan SBK.

Pada akhir tempoh laporan bagi 2018, RM14 bilion atau 46% daripada jumlah RM30.6 bilion nilai keseluruhan pakej kerja telah dianugerahkan kepada syarikat Bumiputera. Pecahan kategori pakej kerja dipaparkan dalam **Jadual 1**.

Di samping itu, inisiatif untuk membawa masuk kontraktor-kontraktor Bumiputera dari Gred G1 hingga G6 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam pembinaan Laluan SSP menyaksikan peningkatan peruntukan subkontrak untuk syarikat-syarikat tersebut.

Untuk kerja-kerja bertingkat, subkontrak bernilai RM300 juta telah diperuntukkan untuk syarikat-syarikat Bumiputera Gred G1 hingga G4 CIDB dan subkontrak bernilai RM300 juta untuk syarikat-syarikat Bumiputera Gred G5 hingga G6. Untuk kerja-kerja bawah tanah, subkontrak bernilai RM300 juta telah diperuntukkan untuk



syarikat-syarikat Bumiputera Gred G1 hingga G6 CIDB.

Semasa tempoh laporan, kontraktor-kontraktor Bumiputera dari Gred G1 hingga G4 CIDB telah dianugerahkan sebanyak 94 subkontrak bernilai RM56.6 juta melalui sesi undian. Ini merangkumi 20 subkontrak dengan nilai keseluruhan RM9.5 juta untuk kerja-kerja bawah tanah dan 74 subkontrak bernilai RM47.1 juta untuk kerja-kerja bertingkat.

Untuk syarikat-syarikat Bumiputera Gred G5 CIDB, sebanyak tujuh subkontrak bernilai RM26.8 juta telah dianugerahkan sementara bagi syarikat-syarikat Bumiputera Gred G6 CIDB, 10 subkontrak bernilai RM100.3 juta telah dianugerahkan. Kesemua subkontrak adalah untuk kerja-kerja bertingkat kecuali Gred G6 CIDB yang termasuk satu subkontrak untuk kerja-kerja bawah tanah bernilai RM25.1 juta.

JADUAL 1: PENYERTAAN BUMIPUTERA MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA

No	Perkara	Jumlah Pakej Kerja yang Dianugerahkan pada 31 Disember 2018		Pakej Kerja yang Dianugerahkan kepada Kontraktor Bumiputera pada 31 Disember 2018	
		Bilangan Pakej Kerja	RM' (Juta)	Bilangan Pakej Kerja	RM' (Juta)
1.	Kerja-Kerja Awalan	8	374	5	164
2.	Kerja-Kerja Bawah Tanah	1	15,470	-	7,735 (1)
3.	Kerja-Kerja Sivil Bertingkat	10	9,431	4	3,482
	i. Stesen	9	2,044	6	1,290
	ii. Pembekal Khusus	2	369	1	170
	iii. Kontraktor Khusus	8	582	3	117
4.	Depoh	2	438	2	438
5.	Tempat Letak Kereta Bertingkat	-	-	-	-
6.	Kerja-Kerja Sistem	7	4,643	-	1,822 (2)
SUB-JUMLAH NILAI KONTRAK		47	33,351	21	15,218
Pelarasan untuk Kos Utama		-	(2,718)	-	(1,188)
JUMLAH NILAI KONTRAK SELEPAS PELARASAN		47	30,633	21	14,030

NOTA:
(1) Kontraktor Kerja Bawah Tanah terdiri daripada 50% penyertaan Bumiputera
(2) Kontraktor Kerja Sistem terdiri daripada 35% penyertaan minimum Bumiputera

PROGRAM USAHAWAN MUDA MRT



Berikutan kejayaan Program Usahawan Muda MRT Pertama (MYEP I), program Program Usahawan Muda MRT Kedua (MYEP II) telah diwujudkan untuk Laluan SSP. Program ini dijalankan dengan perkongsian strategik bersama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan CIDB.

Program latihan 12 bulan yang lebih teratur dan mantap telah dirancang untuk MYEP II yang meliputi latihan industri pembinaan profesional intensif selama enam bulan oleh CIDB, latihan pengurusan, keusahawanan dan motivasi oleh PUNB selama tiga bulan, dan latihan tapak selama tiga bulan di bawah seliaan MRT Corp dan PDP.

Seramai 60 calon telah dipilih untuk menyertai MYEP II dan 50 subkontrak telah diperuntukkan untuk mereka

setelah menamatkan program.

Seramai 52 peserta telah menamatkan program latihan mereka dan berjaya menubuhkan 24 syarikat dengan lesen G2 CIDB. Syarikat-syarikat ini akan menerima bantuan dan sokongan dan prestasi mereka akan dipantau secara berterusan di bawah program tersebut.

Semasa tempoh laporan, 10 subkontrak bernilai RM3.5 juta telah dianugerahkan. Sehingga tarikh tersebut, dua daripada 10 subkontrak yang dianugerahkan telah berjaya disiapkan.

KUARTERS PEKERJA



Semasa tempoh laporan, tiga Kuarters Pekerja (CLQ) telah dianugerahkan Sijil Pematuhan oleh Jabatan Tenaga Kerja pada Februari 2018. Kuarters Pekerja tersebut adalah Kuarters Pekerja V201, V202 dan V203 yang terletak di Sungai Buloh. Permohonan bagi Kuarters Pekerja Bawah Tanah, V207, V209 dan V210 telah dihantar pada Oktober 2018.

Tujuh kuarters pekerja yang terletak di Kompleks Kuarters Pekerja Serdang telah siap dalam dua fasa semasa tempoh laporan. Kompleks Kuarters Pekerja Serdang dilengkapi dengan surau yang boleh menampung seramai 800 orang pekerja dan dua gelanggang

futsal. Apabila mula beroperasi sepenuhnya, kompleks ini boleh menampung sehingga 4,200 orang pekerja dalam satu masa.

Aktiviti-aktiviti penting lain yang telah dijalankan di Kuarters Pekerja Projek KVMRT adalah aktiviti derma darah di Kuarters Pekerja V201, lawatan delegasi dari Bank Negara Malaysia ke Kuarters Pekerja V203, Karnival Sukan Kuarters Pekerja, seminar kuarters pekerja di Pusat Latihan Projek KVMRT dan lawatan dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Wilayah Persekutuan dan Jabatan Tenaga Kerja ke Kompleks Kuarters Pekerja Serdang.



KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR



Selaras dengan agenda kerajaan dalam mengurangkan insiden pekerjaan dan memastikan pematuhan dan amalan terbaik sepanjang projek, MRT Corp telah memulakan beberapa usaha dalam meningkatkan kesedaran tentang keselamatan dan kesihatan dalam Projek MRT Lembah Klang.

Pada 17 dan 18 April 2018, acara tahunan Persidangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MRT Lembah Klang telah diadakan bersempena Hari Sedunia Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja. Tema persidangan ialah "Pencegahan Insiden". Majlis telah dilancarkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Ir Kormain Mohd Noor. Beberapa penceramah dari agensi kerajaan, sektor swasta dan kepakaran dalaman telah membentangkan kertas kerja mereka. Satu program Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC) juga dijalankan untuk menilai prestasi keselamatan dan kesihatan warga kerja.

Juga bersempena Hari Sedunia Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Pertandingan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MRT Corp telah dianjurkan untuk warga kerja MRT Corp pada 9 April 2019. Para peserta pertandingan dikehendaki menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan tindakan pertolongan cemas dan mengendalikan peralatan pelindung diri. Para pemenang pertandingan telah diumumkan semasa Persidangan Keselamatan



dan Kesihatan Pekerjaan MRT Lembah Klang 2018.

MRT Corp telah menetapkan penanda aras industri dengan Projek MRT Lembah Klang dan berusaha keras untuk berada di tahap yang sama dengan projek-projek ikonik lain di seluruh dunia dalam pembinaan Laluan SBK. Seterusnya MRT Corp telah dapat meningkatkan tahap piawaian bagi keselamatan dan kesihatan dengan menggabungkan keperluan yang ketat dalam dokumentasi kontrak untuk Laluan SSP.

Bagi memastikan komitmen sepenuhnya dari semua Pengarah Projek kontraktor-kontraktor pakej kerja yang terlibat dengan projek, Bahagian Kuarters Pekerja, Kesihatan, Alam Sekitar dan Keselamatan (CHESS), Jabatan Piawaian dan Pematuhan MRT Corp, bersama dengan Rakan Pelaksana Projek telah menganjurkan Majlis Menandatangani Jaminan Keselamatan, Kesihatan

dan Alam Sekitar Projek KVMRT pada 2 Mei 2018 di Pusat Latihan MRT Lembah Klang. Majlis tersebut diadakan untuk memberi penekanan tentang komitmen projek dalam memastikan semua pekerja pulang ke rumah dengan selamat setiap hari. Terdapat tujuh elemen utama di mana setiap Pengarah Projek dikehendaki melaksanakan, iaitu kepimpinan, pemilikan dan penglibatan, perundingan dan penyertaan pekerja, penilaian risiko, sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan, latihan dan kecekapan, budaya pencegahan, dan inovasi keselamatan dan kesihatan.

Dari segi program pembangunan, MRT Corp dan Rakan Pelaksana Projek telah menjalankan latihan Sistem Pasport Keselamatan KVMRT bermula pada Januari 2016 dan telah berjaya melatih lebih daripada 23,000 orang warga kerja pada 2018.

Unit Operasi SHE di bawah CHESS telah menjalankan beberapa pemeriksaan, audit dan audit bersama sepanjang Laluan SSP pada 2018. Latihan tersebut memberi tumpuan kepada pemeriksaan tahap pematuhan SHE di tapak, dengan 18 audit dijalankan untuk Pakej Kerja Bawah Tanah. Hasil daripada pemeriksaan dan audit yang ketat menyaksikan pengurangan bilangan kemalangan dilaporkan di tapak berbanding pada Laluan SBK untuk tempoh pembinaan yang sama.

MRT Corp juga meraikan Hari Alam Sekitar Negara dengan aktiviti-aktiviti seperti bengkel terrarium, kempen pengurangan sisa di tempat kerja dan pertandingan pengurangan sisa.

Semasa tempoh laporan, CHESS turut menganjurkan Persidangan Pengurusan Alam Sekitar untuk kali ketiga. Bertemakan "Kualiti Udara yang Baik dengan MRT", tujuan persidangan adalah untuk mewujudkan kesedaran dan pemahaman tentang pengurusan kualiti udara di tapak Projek MRT Lembah Klang. Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Puan Norlin Ja'afar telah merasmikan persidangan di mana beliau memuji pelbagai inisiatif MRT Corp dalam meningkatkan kesedaran memelihara alam sekitar, terutamanya mengurangkan sisa plastik. Penceramah-penceramah dari badan kerajaan dan perunding juga membentangkan kertas kerja mereka semasa persidangan.

KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN PIHAK BERKEPENTINGAN



PERJUMPAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Tahun kewangan 2017/2018 merupakan tahun yang sibuk memandangkan 59 sesi perjumpaan pihak berkepentingan telah diadakan untuk Laluan SSP. Perjumpaan yang dijalankan bersama MRT Corp, Rakan Pelaksana Projek dan kontraktor-kontraktor pakej kerja yang berkaitan, bertujuan untuk memberi taklimat kepada pihak berkepentingan tentang kerja-kerja pembinaan akan datang dan yang sedang dijalankan.

Selain daripada perjumpaan pra-pembinaan, perjumpaan yang lain telah dijalankan sebagai tindakan susulan untuk memaklumkan pihak berkepentingan tentang kemajuan kerja-kerja pembinaan. Di kawasan yang padat dengan penduduk seperti kawasan perumahan di Jalan Kepong, Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Kuala Selangor, penglibatan yang berterusan dan sekata dengan pihak berkepentingan adalah penting bagi memastikan pihak berkepentingan sedia maklum dengan kerja-kerja yang akan datang.

Selain daripada mesyuarat secara bersemuka dan sesi perjumpaan beramai-ramai, kontraktor pakej kerja juga dikehendaki menyebarkan pengumuman lalu lintas dan notis pembinaan terus ke rumah-rumah, unit kediaman dan perniagaan dengan kerap. Perjumpaan pihak berkepentingan secara proaktif untuk Laluan SSP akan diteruskan sehingga pembinaan laluan selesai.



ACARA DAN AKTIVITI

Semasa tempoh laporan, MRT Corp telah menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti yang berkaitan dengan pembinaan Laluan SSP.

MRT Corp telah menandakan permulaan kerja-kerja terowong untuk Laluan SSP yang merupakan satu pencapaian utama untuk projek, dengan majlis pelancaran mesin pengorek terowong di Syaf Pelancaran Bandar Malaysia Utara pada 1 Mac 2018. Majlis tersebut dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak. Selain melancarkan mesin pengorek terowong, Najib juga secara rasminya membuka Pusat Informasi MRT Bandar Malaysia Utara. Pusat informasi ini ialah salah satu hab informasi Projek KVMRT yang bertujuan menyebarkan maklumat tentang MRT Laluan SSP kepada orang ramai.

Beberapa persidangan dan seminar telah dianjurkan semasa tempoh laporan, kebanyakannya berkaitan dengan meningkatkan pengetahuan dan mempromosikan amalan terbaik dalam pembinaan Laluan SSP. Antaranya ialah Persidangan

Pengurusan Alam Sekitar 2017 pada 19 Disember 2017, Persidangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MRT Lembah Klang 2018 pada 17 dan 18 April 2018, Seminar Kuarters Pekerja dan Keselamatan pada 26 Julai 2018 dan Persidangan Pengurusan Alam Sekitar 2018 pada 22 November 2018.

MRT Corp telah menyertai beberapa persidangan seperti Bentley Systems' Year in Infrastructure Conference 2017 di Singapura, Persidangan Kebangsaan Rantaian Bekalan Projek Rel dan Pameran Kerjaya 2018 dan Persidangan Bangunan dan Pembinaan 2018 di mana kertas kerja telah dibentangkan. Sesi perkongsian maklumat juga diadakan dengan Prolintas dan Jabatan Kerja Raya.

MRT Corp juga menjadi tuan rumah kepada para pelawat semasa tahun laporan. Para pelawat kebanyakannya adalah dari sekolah dan universiti, agensi kerajaan, organisasi profesional dan perdagangan, sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Beberapa acara korporat juga telah diadakan semasa tahun kewangan.

Ini termasuk Program Ikrar Bebas Rasuah MRT Corp pada 6 Oktober 2017 di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE. Sebagai sebahagian daripada iltizam untuk memerangi rasuah, warga kerja dan Lembaga Pengarah MRT Corp, diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Sri Shahril Mokhtar telah berikrar secara beramai-ramai untuk menolak semua bentuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam sebarang urusan berkenaan MRT Corp.


Sebagai sebahagian daripada program tanggung jawab sosial korporat MRT Corp, tiga acara Hari Ceria Bersama MRT Corp telah dianjurkan di Pusat Informasi MRT. Matlamat acara tersebut adalah untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan para penduduk di sepanjang Laluan SSP tentang projek dan kepentingan pengangkutan awam terutamanya kepada generasi muda.



KOMUNIKASI DIGITAL

Komunikasi digital memainkan peranan penting dalam strategi MRT Corp untuk memastikan pihak awam sedia maklum dengan kemajuan Projek KVMRT. MRT Corp menggunakan platform laman sesawang dan media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, YouTube dan LinkedIn sebagai peralatan digital.

Laman sesawang www.mymrt.com.my telah menjalani perubahan pada 2018. Susun atur telah dipertingkatkan untuk pengalaman pengguna yang lebih baik termasuk navigasi yang lebih mudah untuk pencarian maklumat dan juga ciri-ciri baru. Laman sesawang juga dilengkapi dengan teknologi dan reka bentuk terkini. Fokus laman sesawang baru adalah lebih kepada Laluan SSP di mana terdapat lebih banyak butiran dan juga ciri-ciri laluan seperti kemajuan projek dan pembinaan serta maklumat umum tentang tren dan teknologi yang digunakan. Hasil daripada versi yang dipertingkatkan dan haluan baru, laman sesawang telah mencatatkan lebih 660,000



pelawat baharu dan lebih daripada dua juta paparan halaman semasa tempoh laporan.

MRT Corp mengoptimalkan saluran media sosial dengan menggunakan aset-aset tersebut menurut keistimewaan masing-masing. Laporan tahap pencapaian pembinaan Laluan SSP merupakan teras di Facebook dan Instagram kerana platform ini berkesan sebagai pembekal cerita. Salah satu sorotannya adalah Kerja-Kerja Migrasi Laluan SSP yang disampaikan pada tahap sebelum, semasa dan pasca kerja untuk mendidik orang awam tentang aktiviti-aktiviti yang

dijalankan untuk memindahkan sebahagian daripada Laluan SBK kepada Laluan SSP.

Kempen media sosial bersepadu telah dianjurkan untuk mempromosi Hab Informasi MRT di mana dengan adanya hubungan di antara aktiviti-aktiviti semasa dengan media sosial, MRT Corp telah berjaya menggalakkan orang awam melawat hab informasi.

Pengurusan lalu lintas masih merupakan maklumat yang paling diperlukan kerana ia membantu orang awam merancang perjalanan mereka. Twitter sangat berguna

dalam memberikan maklumat terkini tentang penutupan jalan dan juga lencongan. Sementara itu, video digunakan terutamanya di YouTube untuk memberikan pemahaman yang lebih baik kepada orang awam tentang projek. Video "Tahukah Anda" yang dihasilkan dengan kerap dapat memberikan perhatian kepada pembinaan tiang di Laluan SSP. Kesemua aktiviti-aktiviti komunikasi ini telah berjaya meningkatkan bilangan pengikut dan jumlah sukaan untuk akaun-akaun media sosial MRT Corp.

Semasa tempoh laporan, halaman Facebook **MRTMalaysia** telah berjaya mendapat lebih daripada 58,000 pengikut dan sukaan sementara **@MRTMalaysia**, akaun Twitter MRT Corp yang disahkan, telah berjaya memperoleh 35,000 pengikut. Akaun **MRTMalaysia** di Instagram dan YouTube masing-masing mempunyai hampir 23,000 pengikut dan melebihi 4,800 pelanggan. Akaun rasmi di LinkedIn untuk MRT Corp telah diperkenalkan semasa tempoh laporan. Ia berjaya mendapat lebih daripada 700 pengikut selepas beberapa bulan beroperasi. Platform ini dilihat sebagai peralatan tambahan untuk mempertingkatkan penjenamaan majikan bagi MRT Corp.

HAB INFORMASI PROJEK MRT

Pusat Informasi MRT

Dua Pusat Informasi MRT telah beroperasi sejak Mei 2016 di Jalan Sultan Azlan Shah (dahulunya dikenali sebagai Jalan Ipoh) dan Seri Kembangan, kedua-duanya terletak di sepanjang jajaran Laluan SSP. Pusat Informasi MRT merupakan tempat untuk orang ramai mendapatkan maklumat tentang Projek KVMRT. Pusat Informasi MRT dilengkapi dengan aplikasi interaktif 'Hawkeye' yang memaparkan pandangan dari udara 360-darjah keseluruhan Laluan SSP. Pusat Informasi MRT juga menyediakan kaunter maklum balas, papan maklumat dan risalah. Model mesin pengorek terowong juga terdapat di Pusat Informasi MRT Seri Kembangan.

Walaupun maklumat lebih tertumpu kepada Laluan SSP, Pusat Informasi MRT turut mengandungi pelbagai maklumat tentang Laluan SBK. Pada akhir tempoh laporan, Pusat Informasi MRT telah menerima 6,529 pelawat.



Kios Informasi MRT

Kios Informasi MRT yang bertumpu kepada maklumat tentang Laluan SSP telah mula beroperasi sejak Mei 2016. Kios Informasi MRT terdiri daripada gerai mudah alih yang dilengkapi dengan aplikasi interaktif 'Hawkeye' yang memaparkan pandangan dari udara 360-darjah bagi keseluruhan Laluan SSP, video projek dan risalah. Kios Informasi MRT dibuka selama dua bulan di pusat membeli belah, stesen-stesen MRT, agensi-agensi Kerajaan dan pusat-pusat aktiviti lain yang mempunyai jumlah pejalan kaki yang tinggi, kesemuanya di dalam lingkungan 10 kilometer dari Laluan SSP. Semasa tempoh laporan, Kios Informasi MRT telah menerima 33,719 pelawat.

Trak Informasi MRT

Trak Informasi MRT telah mula beroperasi sejak Mei 2016. Trak Informasi MRT dapat memberikan akses mudah untuk informasi tentang Projek KVMRT kepada orang ramai dengan cara mendekati komuniti-komuniti di sepanjang jajaran Laluan SSP. Trak Informasi MRT mempunyai papan maklumat tentang projek, aplikasi interaktif 'Hawkeye' yang memaparkan pandangan dari udara 360-darjah bagi jajaran Laluan SSP, risalah dan video projek.

Trak Informasi MRT biasanya ditempatkan di sekolah, kolej dan juga digunakan untuk menyertai pelbagai inisiatif kerajaan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Informasi trak telah mendapat sokongan yang menggalakkan daripada orang ramai



dengan jumlah seramai 29,809 orang pelawat semasa tempoh laporan.

Talian Bantuan MRT

Talian Bantuan MRT menyediakan perkhidmatan bantuan bebas tol 24-jam dengan nombor 1-800-82-6868 untuk orang ramai membuat aduan, pertanyaan umum dan memberi maklum balas. Talian Bantuan ini telah diwujudkan sejak Disember 2011 untuk Laluan SBK dan kemudiannya digunapakai untuk Laluan SSP sebaik sahaja kerja-kerja pembinaan bermula. Talian Hotline tidak lagi mengendalikan panggilan untuk Laluan SBK memandangkan segala isu berkaitan operasi dikendalikan oleh Prasarana. Semasa tempoh laporan, talian bantuan ini telah menerima 1,172 panggilan.

TAHUKAH ANDA?

MRT CORP

KAMI MEMBINA PROJEK MRT UNTUK MASA HADAPAN ANDA


KAMI MEMOHON MAAF DI ATAS SEGALA KESULITAN

SEBARANG PERTANYAAN ATAU MAKLUM BALAS BERKENAAN PROJEK MRT, SILA HUBUNGI


24 JAM | TALIAN BANTUAN

1 800 82 6868


JADUAL 1: BILANGAN PELAWAT KE PUSAT INFORMASI MRT




JADUAL 2: BILANGAN PELAWAT KE KIOS INFORMASI MRT



JADUAL 3: BILANGAN PELAWAT KE TRAK INFORMASI MRT



JADUAL 4: BILANGAN PANGGILAN DITERIMA OLEH TALIAN BANTUAN MRT





MRT LALUAN SUNGAI BULOH- KAJANG



MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG

Laluan SBK sepanjang 51km merupakan laluan pertama Projek KVMRT. Laluan ini bermula di Sungai Buloh, yang terletak di barat laut Kuala Lumpur dan melalui pusat bandar ibu kota Malaysia sebelum berakhir di Kajang, sebuah bandar yang pesat membangun di tenggara Kuala Lumpur. Laluan ini menyediakan perkhidmatan di koridor yang dianggarkan mempunyai seramai 1.2 juta penduduk.

Laluan SBK melalui jajaran bawah tanah sejauh 9.5km di bawah pusat bandar Kuala Lumpur manakala baki jajaran merupakan laluan bertingkat. Terdapat 31 stesen di mana tujuh daripadanya adalah stesen bawah tanah.

Fasa Satu yang merangkumi bahagian bertingkat utara jajaran

dan 12 stesen di antara Sungai Buloh dan Stesen Semantan, telah mula beroperasi pada 16 Disember 2016 manakala baki 19 stesen di bahagian bawah tanah dan bahagian bertingkat selatan jajaran telah dibuka pada 17 Julai 2017.


Laluan ini menggunakan 58 buah tren empat gerabak. Setiap tren

boleh membawa 1,200 orang penumpang.

Sebaik sahaja dibuka, Laluan SBK telah diserahkan kepada Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana, sebagai pengendali laluan.



MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG



TEMPOH LIABILITI KECACATAN

Setelah Laluan SBK dibuka, setiap kontraktor pakej kerja yang terlibat dengan pembinaan laluan mempunyai tanggungjawab kontrak kepada MRT Corp untuk memberi Tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP) selama dua tahun bermula dari tarikh permulaan perkhidmatan berbayar.

Ini ialah untuk memastikan kesemua kontraktor pakej kerja akan membantu pengendali Laluan SBK, Rapid Rail Sdn Bhd menangani sebarang kecacatan yang berkemungkinan berlaku supaya perkhidmatan berbayar tidak terganggu. Kecacatan boleh ditakrif sebagai kejadian yang tidak diingini dan/atau masalah yang berulang.

MRT Corp telah menubuhkan Pasukan Tempoh Liabiliti Kecacatan yang bertanggungjawab memastikan PDP akan menguruskan kontraktor pakej kerja dalam menangani semua kerosakan yang diadakan oleh pengendali dalam tempoh masa berkenaan. Sebarang kecacatan yang dilaporkan oleh MRT Corp dan Rapid Rail Sdn Bhd akan dipantau sehingga kes ditutup dalam Pangkalan Data DLP yang telah dibangunkan khas oleh PDP.

Mesyuarat Lembaga Penilaian

Kegagalan Liabiliti Kecacatan (DLPFRB) yang dipengerusikan oleh Wakil Pemilik dari MRT Corp diadakan setiap dua minggu di mana kesemua potensi kecacatan akan dikaji semula, pelan tindakan dipersetujui dan penutupan mana-mana kes kecacatan ditandatangani oleh Pengerusi DLPFRB setelah kerja-kerja pemulihan telah dilakukan dengan jayanya.

Untuk ketelusan penuh, akses ke Pangkalan Data DLP disediakan untuk membolehkan MRT Corp dan Rapid Rail memantau status kecacatan pada masa nyata.

Tempoh Liabiliti Kecacatan untuk kerja-kerja sivil dan kerja-kerja sistem elektrik dan mekanikal untuk Fasa 1 Laluan SBK dari Stesen MRT Sungai Buloh ke Portal Semantan termasuk Depoh Sungai Buloh telah tamat pada 16 Disember 2018. Oleh itu, Pasukan DLP Kerja-Kerja Sivil MRT Corp telah menjalankan pemeriksaan tapak untuk Pensijilan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMG) bersama dengan PDP, kontraktor-kontraktor pakej kerja yang berkenaan dan Rapid Rail. Kesemua kecacatan yang ditemui semasa pemeriksaan akan diperbetulkan oleh

kontraktor berkenaan dalam masa tiga bulan sebelum tarikh luput.

Tempoh Liabiliti Kecacatan untuk baki kerja-kerja sivil dan kerja-kerja sistem elektrik dan mekanikal untuk Fasa 2 di antara Portal Semantan dan Stesen MRT Kajang akan berakhir pada 16 Julai 2019. Kerja-kerja sivil dan kerja-kerja sistem elektrik dan mekanikal untuk bahagian ini telah stabil dengan hanya kerosakan minima dilaporkan.

Pasukan DLP MRT Corp akan berkoordinasi dengan PDP untuk menyediakan penutupan Tempoh Liabiliti Kecacatan dengan pemeriksaan CMG untuk kerja-kerja sistem elektrik dan mekanikal.

Untuk bas perantara MRT yang tidak dimasukkan di bawah pemantauan PDP, Tempoh Liabiliti Kecacatan untuk 300 buah bas akan berakhir dalam beberapa fasa di antara Januari 2019 dan Julai 2019. DLP untuk Depoh Bas Perantara Sungai Buloh akan berakhir pada 10 Jun 2019. Dua lagi depoh bas perantara MRT di Desa Tun Razak dan Kajang masih dalam proses mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan.



PENGURUSAN ASET DAN FASILITI

Jabatan Pengurusan Aset dan Fasiliti memainkan peranan penting dalam memastikan aset rel MRT Corp diuruskan, digunakan dan diselenggarakan dengan baik. Kenyataan Polisi Pengurusan Aset yang dikeluarkan pada 25 September 2018 menggariskan peranan jabatan ini dalam menguruskan kitaran hidup aset bermula dari pengambilalihan hingga penyaharaan melalui pengurusan risiko dan kos secara berstruktur dan cekap.

Di bawah Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT antara MRT Corp dan Rapid Rail Sdn Bhd yang ditandatangani pada 30 Jun 2016, subsidiari Prasarana tersebut sebagai pengendali operasi Laluan SBK bertanggungjawab atas penyelenggaraan aset rel laluan tersebut. Perjanjian Penyerahan dan Operasi Bas Perantara MRT antara MRT Corp dan Prasarana yang ditandatangani pada 15 Ogos 2017 turut menegaskan

bahawa pihak pengendali, Rapid KL, bertanggungjawab atas penyelenggaraan bas perantara Laluan SBK.

Dalam tempoh laporan, jabatan ini telah melaksanakan penilaian keadaan aset berterusan seperti audit keadaan dan prestasi aset tahunan. Audit ini memastikan kesemua aset rel berada dalam keadaan baik melalui pengesahan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan yang dijalankan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, selaras dengan penjanjian berkaitan dengan pengendali, Prosedur Operasi Standard (SOP) pengendali dan manual Pengeluar Asal Peralatan (OEM).

Jabatan ini turut menjalankan pemeriksaan mingguan aset rel dan penilaian berkala penyelenggaraan aset yang telah dilaksanakan oleh Rapid Rail Sdn Bhd dan Rapid KL.

Jabatan ini juga mengkoordinasi beberapa aktiviti modifikasi aset utama, termasuk kerja-kerja berkaitan migrasi bahagian landasan sepanjang Laluan SBK ke Laluan SSP yang memerlukan penutupan perkhidmatan tren Laluan SBK di antara Stesen MRT Kwasa Damansara dan Stesen MRT Sungai Buloh.



PROGRAM KOLABORASI INDUSTRI



Program Kolaborasi Industri bagi Laluan SBK telah tamat sebaik sahaja laluan tersebut dibuka pada bulan Julai 2017.

Pada masa yang sama, inisiatif-inisiatif Program Kolaborasi Industri turut dilaksanakan di bawah kontrak Bas Perantara MRT Laluan SBK dan pada akhir tempoh laporan, persediaan untuk Audit Tamat Pelaksanaan sedang dilakukan dan akan dilaksanakan apabila program selesai sepenuhnya dan kontraktor-kontraktor pakej kerja dilepaskan daripada tanggungjawab Program Kolaborasi Industri mereka.

Program ini dijangka dapat menjana RM240 juta Nilai Kredit Program Kolaborasi Industri apabila tamat pada bulan Julai 2019.

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah program lokalisasi, latihan ECU lanjutan, kajian kebolehlaksanaan bagi penukaran biomas kepada bio-kimia dan biofuel, kajian perintis untuk bas berkapasiti tinggi, program kapasiti pembuatan bagi pengeluar bas di Malaysia, lawatan perkongsian maklumat ke sistem pengangkutan mampan yang sudah beroperasi dan bakal beroperasi, dan inisiatif biofuel untuk pengangkutan mesra alam.



KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN PIHAK BERKEPENTINGAN



PERJUMPAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Walaupun Laluan SBK telah dibuka dan pihak Prasarana bertanggungjawab atas pengurusan pertanyaan awam berkaitan isu operasi, masih ada beberapa isu berbangkit yang memerlukan pertemuan oleh MRT Corp dengan pihak berkepentingan di sepanjang jajaran tersebut.


Kebanyakan isu-isu ini berkaitan dengan tuntutan yang belum diselesaikan melibatkan pihak berkepentingan yang terjejas disebabkan oleh pembinaan Laluan SBK. Untuk tujuan ini, sebanyak 23 sesi pertemuan telah diadakan sepanjang tempoh laporan.



AKTIVITI DAN ACARA

Sepanjang tempoh laporan, kebanyakan aktiviti dan acara yang dianjurkan oleh MRT Corp adalah berkaitan dengan Laluan SSP. Hanya satu aktiviti yang telah diadakan khas untuk Laluan SBK iaitu majlis ringkas penyerahan taman rekreasi Taman Linear Kampung Selamat kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Majlis ini diadakan pada 27 Januari 2018. Taman rekreasi ini telah dibina oleh MRT Corp sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat. Taman ini terletak bersebelahan Stesen MRT Kampung Selamat.



KOMUNIKASI DIGITAL

Platform komunikasi digital MRT Corp turut digunakan untuk menyebarkan maklumat tentang Laluan SBK. Tidak seperti maklumat berkenaan Laluan SSP yang kebanyakannya adalah mengenai aktiviti pembinaan, maklumat berkaitan dengan Laluan SBK di laman sesawang MRT Corp adalah berkaitan pendapatan bukan tambang dan aktiviti-aktiviti komersial seperti pengiklanan, ruang niaga dan juga kemudahan tempat letak kereta di sepanjang jajaran. Aktiviti-aktiviti ini masih dijalankan oleh MRT Corp.

Pemasaran aktiviti-aktiviti pendapatan bukan tambang dan kesedaran tentang aset-aset komersial MRT Corp seperti ruang niaga, hak penamaan stesen, ruang acara, Wi-Fi percuma di stesen dan mesin layan diri dengan menggunakan media sosial sepenuhnya untuk mengekalkan minat.

Carian untuk butiran berkenaan penggunaan tren dan bas perantara disalurkan ke laman sesawang Rapid KL. Ini membolehkan orang ramai membezakan peranan MRT Corp dan Rapid KL.



Publisiti Laluan SBK tentang aset-aset yang dimiliki oleh MRT Corp turut diberi penekanan di media sosial.

Dalam tempoh laporan, promosi telah dilakukan untuk #MRTArtMurals, yang merupakan hasil kerja artis tempatan, Encik Mey Kamal dan Encik Nicholas Choong di Stesen MRT Pasar Seni.

Jejambat-jejambat yang menghubungkan stesen-stesen Laluan SBK dengan bangunan dan pusat membeli-belah berdekatan yang dapat memudahkan akses bagi pengguna turut diwarwarkan.



KOMERSIAL

KOMERSIAL

Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT antara MRT Corp dan Rapid Rail Sdn Bhd menyatakan bahawa MRT Corp mengekalkan haknya ke atas semua hasil bukan tambang Laluan SBK.

Bahagian Komersial dan Pengurusan Tanah MRT Corp telah ditugaskan untuk memastikan sepenuhnya potensi hasil bukan tambang dapat direalisasikan. Aliran hasil pendapatan yang telah dikenalpasti termasuk pengiklanan, ruang niaga, tempat letak kereta, telekomunikasi, teknologi baru, acara, perfileman dan fotografi serta pembangunan hartanah.

PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Jabatan Pembangunan Perniagaan merupakan sebahagian daripada Bahagian Komersial dan Pengurusan Tanah yang telah diberi tugas untuk menjana pendapatan daripada aktiviti-aktiviti perniagaan bukan tambang dengan menggunakan aset Laluan SBK.

Segmen perniagaan bukan tambang termasuk pengiklanan, hak penamaan stesen, acara dan aktivasi, ruang niaga, telekomunikasi dan tempat letak kereta.



Pengiklanan

Semasa tempoh laporan, MRT Corp bersama dengan rakan kongsi strategik konsortium Big Tree Seni Jaya telah melancarkan pelbagai konsep pengiklanan luaran. Ini termasuklah format pengiklanan luaran pada lebih daripada 130 tiang seperti rasuk, tiang lumi, penerimgunaan, panel halo, panel lengkung, menara digital, panel halo di jejantas, dan peti cahaya di stesen bawah tanah, dan juga pelekat kaca stesen dan pengiklanan ambien.

Pakej jualan oleh Big Tree Seni Jaya berjaya menarik pengiklan tempatan dan antarabangsa, dan ini telah membolehkan peningkatan dalam hasil pengiklanan untuk pengiklanan luaran sebanyak 110% pada 2018 ke tahap melebihi RM10 juta.



Untuk pengiklanan dalaman yang merangkumi stesen dan tren, pelbagai format dan aktiviti telah dikenalpasti untuk menyokong penajaan pendapatan daripada unit perniagaan pengiklanan. Jumlah hasil pengiklanan dalaman pada 2018 adalah melebihi RM5 juta.

Aktiviti jualan sesilang antara unit perniagaan MRT Corp juga telah dikenal pasti. Salah satu contoh adalah panel digital di Muzium Negara yang merupakan kerjasama antara konsesi pengiklanan dalaman Titanium Compass Sdn Bhd dan Unit Telekomunikasi. Sejumlah 19 panel digital berjaya dipasang dan diaktifkan di stesen tersebut.

Di samping itu, kerjasama antara Unit Pengiklanan, Unit Acara dan Aktivasi serta Unit Ruang Niaga juga berjaya menarik Wonda Coffee untuk melancarkan dan mengadakan pengiklanan di Stesen MRT Bandar Utama.

Ruang Niaga

